

## TAHAP KEFAHAMAN TERHADAP SURAH AL-FATIHAH DALAM KALANGAN MAHASISWA PUSAT ASASI KUIS

**Wan Fakhru Razi Wan Mohamad<sup>1</sup>, Mohd Rasyidi Ali<sup>2</sup>, Abdul Hadi  
Awang<sup>3</sup>,**

**Muhammad Faiz Mukmin Abdul Mutalib<sup>4</sup>.**

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

[wanfakhrurazi@kuis.edu.my](mailto:wanfakhrurazi@kuis.edu.my)

### ABSTRAK

Surah al-Fatihah adalah surah pertama daripada 114 surah di dalam al-Quran. Surah ini merupakan surah yang paling istimewa kerana setiap muslim wajib membacanya sebanyak 17 kali dalam solat sehari semalam. Justeru kefahaman terhadap intipati surah ini amat penting dalam kehidupan seorang mahasiswa muslim. Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk menganalisis tahap kefahaman terhadap surah al-Fatihah dalam kalangan mahasiswa asasi di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. Kajian ini menggunakan metodologi kuantitatif dengan kaedah soal selidik. Kajian awal mendapati bahawa mengenali tahap kefahaman merupakan objektif sebenar dalam penguasaan bacaan surah al-Fatihah. Dapatan kajian ini boleh digunakan dalam memilih kaedah paling baik untuk menilai tahap kemampuan dan kebolehan mahasiswa dalam memahami surah al-Fatihah dan isi kandungannya..

Kata kunci: *surah al-Fatihah, tahap kefahaman, mahasiswa asasi.*

### PENGENALAN

Surah al-Fatihah diturunkan di Mekah dan terdiri dari 7 ayat seperti yang dinyatakan oleh al-Wahidi dalam kitabnya *Asbab an-Nuzul*. Surah ini disebut al-Fatihah bermaksud pembukaan kerana dengan surah inilah dibuka dan dimulainya al-Quran. Ia adalah surah pertama yang diturunkan secara lengkap. Dinamakan dengan berbagai nama seperti *Ummul Quran* (induk al-Quran) atau *Ummul Kitab* (induk al-Kitab) kerana ia merupakan induk dari semua isi al-Quran. Dinamakan pula *As Sab'ul mathaani* (tujuh yang berulang-ulang) kerana jumlah ayatnya yang tujuh dan dibaca berulang-ulang dalam solat. Surah al-Fatihah juga merupakan rukun di dalam solat.

Oleh kerana itu surah ini amat penting dalam kehidupan seorang muslim serta diwajibkan membacanya pada setiap solat berdasarkan hadith Nabi SAW : *لَا صَلَاةَ لِمَنْ لَمْ يَفْرَأْ بِفَاتِحَةِ الْكِتَابِ* maksudnya “*Tidak sah solat bagi mereka yang tidak membaca al-Fatihah*”. (Muttafaqun ‘alaih)

Kandungan dan setiap kalimah serta dalam deretan huruf-huruf yang ada pada surah al-Fatihah memiliki daya *i'jaz* atau juga *the power of mukjizat*. Merasakan kelembutan dan kehalusan bahasa al-Quran menjadi kebahagiaan tersendiri bagi orang beriman ketika membacanya (Al-Shabuni, *Tafsir Ayat al-Ahkam Min al-Qur'an* 2007). Surah al-Fatihah juga diangkat sebagai paksi kepada al-Quran yang mempunyai prinsip dan nilai yang mampu menyediakan sistem terbaik dalam tadbir urus yang dikehendaki oleh Islam (Abdul Hakim Abdullah et.al, 2016). Mohd Zaki (2016) menyatakan di dalamnya terkandung beberapa prinsip penting tentang nilai tauhid yang menyentuh tentang konsep dan dasar akidah Islam yang sebenar.

Menurut Muhamad Farhan Ismail (2013) dalam kajiannya mendapati bahawa terdapat responden yang memahami maksud surah al-Fatihah yang dihafaz oleh mereka walaupun mereka tidak dapat membacanya dengan lancar. Ini terbukti dengan 15% dari kalangan responden baik dari sudut pengertian makna, 21% berada di tahap sederhana, 35% berada di tahap lemah dan 29% pula berada di tahap yang sangat lemah.

Menurutnya lagi, walaupun pelajar tidak dapat membaca dengan lancar namun mereka tetap terus membaca dan menghafal. Ini dibuktikan dalam perkara 3 yang menunjukkan 77% dari pelajar di tahap baik dalam bacaan dan hafalan mereka dan hanya 5% di tahap lemah. Didapati pelajar hanya menghafal surah tersebut walaupun dengan kesalahan dari sudut fasahah. Dari sudut lain pula yang menceritakan mengenai penghayatan pelajar ketika membaca surah al-Fatihah, meyoriti pelajar di tahap lemah iaitu sebanyak 63%, 21% berada di tahap sederhana dan 13% berada di tahap baik dan hanya 3% sahaja dari kalangan responden menyatakan bahawa mereka berada di tahap yang sangat baik. Manakala berdasarkan dapatan kajian Ishak Harun (2011) menunjukkan bahawa 80% pelajar universiti tidak tahu makna surah al-Fatihah, sedangkan sudah beribu kali membacanya dalam solat. Oleh itu, disamping maknanya, maklumat tentang al-Quran seperti sejarahnya, penulisannya perlu juga diketahui.

Justeru, memahami tentang al-Fatihah amat penting dan perlu dikaitkannya dengan kehidupan seharian pelajar. Dengan demikian, kajian ini adalah untuk melihat tahap kefahaman dan apakah elemen utama yang menyumbang kepada kebolehan mereka memahami surah al-Fatihah dengan baik di samping faktor lain yang mungkin memberi kesan kepada pembacaan mereka. Dengan mengetahui tahap pemahaman dan bacaan para pelajar

adakah mereka bersedia dan terbuka untuk memperbaiki tahap mereka walaupun mereka telah mempelajarinya suatu masa dahulu jika berpeluang.

### **OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk meninjau tahap kefahaman terhadap surah al-Fatihah dalam kalangan mahasiswa asasi di KUIS dan menganalisis tahap kefahaman mereka. Kajian ini sangat penting bagi menilai kaedah terbaik dalam proses pembelajaran terutama dalam pembelajaran pengajian al-Quran.

### **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini membincangkan tahap kefahaman terhadap surah al-Fatihah dalam kalangan mahasiswa Pusat Asasi KUIS dengan menggunakan kaedah soal selidik. Persampelan diambil secara rawak tetapi jumlah sampel adalah sama banyak mengikut bidang pengajian bagi mendapatkan data yang seimbang dalam kajian ini. Hasil dapatan kajian ini kemudiannya akan dianalisis dan dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu maklumat demografi dan analisis kekerapan, purata tahap persepsi responden dan korelasi melalui perisian SPSS.

#### **Maklumat Demografi**

Analisis yang dijalankan adalah berkisar kekerapan dan peratusan. Antara yang dapat dikenal pasti iaitu:

Jadual 1: Taburan Kekerapan Responden Berdasarkan Jantina

<b>Jantina</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus (%)</b>
Lelaki	68	34.0
Perempuan	132	66.0
<b>Jumlah</b>	<b>200</b>	<b>100</b>

Merujuk kepada Jadual 1, sampel kajian yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai 200 orang di mana sebanyak 34 peratus responden adalah lelaki dan 66 peratus pula adalah responden perempuan. Di sini dapat dilihat pelajar perempuan adalah responden yang teramai melibatkan diri bagi kajian ini.

Jadual 2: Taburan Kekerapan Responden Berdasarkan Umur

<b>Umur Responden</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus (%)</b>
18	5	2.5
19	161	80.5
20	17	8.5
21	11	5.5
22	3	1.5
23	1	0.5

24	2	1.0
<b>Jumlah</b>	<b>200</b>	<b>100.0</b>

Berdasarkan taburan statistik responden berdasarkan umur, dapat dilihat majoriti responden adalah berumur 19 tahun iaitu sebanyak 161 orang atau 80.5 peratus dan minoriti responden adalah yang berumur 23 tahun iaitu sebanyak 1 orang atau 0.5 peratus daripada 200 orang responden.

Jadual 3: Taburan Kekerapan Responden Berdasarkan Negeri Asal

<b>Negeri Asal</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus (%)</b>
Johor	10	5.0
Kedah	7	3.5
Kelantan	19	9.5
Kuala Lumpur	22	11.0
Melaka	8	4.0
Negeri Sembilan	7	3.5
Pahang	6	3.0
Perak	10	5.0
Perlis	1	0.5
Pulau Pinang	8	4.0
Sabah	7	3.5
Sarawak	3	1.5
Selangor	83	41.5
Terengganu	9	4.5
<b>Total</b>	<b>200</b>	<b>100.0</b>

Berdasarkan jadual di atas, dapat dilihat majoriti responden adalah terdiri daripada Negeri Selangor iaitu sebanyak 83 orang atau 41.50 peratus dan minoriti responden adalah berasal daripada Negeri Perlis iaitu seramai 1 orang atau 0.50 peratus. Kuala Lumpur adalah kedua tertinggi iaitu sebanyak 22 orang atau 11.0 peratus dan diikuti dengan Negeri Kelantan adalah ketiga tertinggi iaitu sebanyak 19 orang atau 9.5 peratus. Ini dapat dilihat bahawa kebanyakan responden adalah berasal daripada Negeri Selangor.

### **Maklumat Demografi Mengikut Bidang**

Analisis juga akan dilakukan mengikut bidang yang diambil mengikut aspek-aspek yang berikut:

Jadual 4: Taburan Jantina Responden Mengikut Bidang

<b>Bidang Pengajian</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus (%)</b>
Pengajian Islam	Lelaki	16
	Perempuan	24
		40.0
		60.0

	Jumlah	40	100.0
Bahasa Arab	Lelaki	17	42.5
	Perempuan	23	57.5
	Jumlah	40	100.0
Pengurusan	Lelaki	8	20.0
	Perempuan	32	80.0
	Jumlah	40	100.0
Komunikasi	Lelaki	4	10.0
	Perempuan	36	90.0
	Jumlah	40	100.0
Teknologi Maklumat	Lelaki	23	57.5
	Perempuan	17	42.5
	Jumlah	40	100.0

Merujuk kepada Jadual 4 di atas, dapat dilihat bahawa peratus bagi responden yang terlibat dalam Bidang Pengajian Islam adalah responden perempuan iaitu sebanyak 60% atau 24 orang berbanding responden lelaki iaitu seramai 16 orang (40%) sahaja yang terlibat. Tambahan lagi, peratus bagi peserta perempuan untuk Bidang Bahasa Arab, Bidang Pengurusan dan Bidang Komunikasi juga adalah yang paling tinggi melibatkan diri dalam kajian ini iaitu sebanyak 57.5% atau seramai 23 orang, 80% atau 32 orang dan 90% atau seramai 36 orang berbanding responden lelaki. Namun begitu, bagi Bidang Teknologi Maklumat pula, bilangan responden lelaki adalah lebih ramai melibatkan diri dalam kajian ini iaitu seramai 23 orang atau 57.5% berbanding bilangan responden perempuan.

Keseluruhannya, berdasarkan jadual di atas, responden perempuan lebih banyak melibatkan diri dalam kajian ini iaitu pada Bidang Pengajian Islam, Bidang Bahasa Arab, Bidang Pengurusan dan Bidang Komunikasi.

Jadual 5: Taburan Umur Responden Mengikut Bidang

Bidang Pengajian		Kekerapan	Peratus (%)
Pengajian Islam	19	30	75.0
	20	8	20.0
	21	1	2.5
	22	1	2.5
	Jumlah	40	100.0
Bahasa Arab	18	2	5.0
	19	29	72.5
	20	4	10.0
	21	3	7.5
	22	1	2.5
	24	1	2.5
Jumlah	40	100.0	
Pengurusan	18	1	2.5

	19	33	82.5
	20	2	5.0
	21	2	5.0
	22	1	2.5
	24	1	2.5
	Jumlah	40	100.0
Komunikasi	19	35	87.5
	20	1	2.5
	21	3	7.5
	23	1	2.5
	Jumlah	40	100.0
Teknologi	18	2	5.0
Maklumat	19	34	85.0
	20	2	5.0
	21	2	5.0
	Jumlah	40	100.0

Berdasarkan Jadual 5 di atas, bilangan responden yang terlibat bagi kelima-lima bidang iaitu Bidang Pengajian Islam, Bidang Bahasa Arab, Bidang Pengurusan, Bidang Komunikasi dan Bidang Teknologi Maklumat yang paling tinggi adalah pada umur 19 tahun iaitu masing-masing sebanyak 75% atau 30 orang, 72.5% atau 29 orang, 82.5% atau 33 orang, 87.5% atau 35 orang dan 85% atau 34 orang.

Sementara itu, bilangan bagi responden yang terendah bagi Bidang Pengajian Islam adalah pada umur 21 dan 22 tahun yang berkongsi peratus dan jumlah yang sama iaitu 2.5% atau 1 orang. Bilangan responden yang terendah bagi Bidang Bahasa Arab pula adalah pada umur 22 dan 24 tahun yang juga berkongsi peratusan dan jumlah yang sama iaitu 2.5% atau 1 orang dan bagi Bidang Pengurusan pula mempunyai peratus dan jumlah yang terendah pada umur 18, 22 dan 24 iaitu pada 2.5% atau 1 orang.

Akhir sekali, bagi Bidang Komunikasi pula mempunyai peratus dan jumlah yang terendah pada umur 20 dan 23 iaitu masing-masing juga berkongsi 2.5% atau 1 orang serta bagi Bidang Teknologi Maklumat pula memiliki peratus dan bilangan yang terendah pada umur 18, 20 dan 21 iaitu juga masing-masing berkongsi 5% atau seramai 2 orang.

Jadual 6: Taburan Negeri Asal Responden

Bidang Pengajian		Kekerapan	Peratus (%)
Pengajian Islam	Johor	1	2.5
	Kedah	2	5.0
	Kelantan	3	7.5
	Kuala Lumpur	2	5.0
	Melaka	3	7.5
	Pahang	1	2.5

Perak	3	7.5
Perlis	1	2.5
Pulau Pinang	2	5.0
Sabah	1	2.5
Sarawak	1	2.5
Selangor	18	45.0
Terengganu	2	5.0
<b>Jumlah</b>	<b>40</b>	<b>100.0</b>

Berdasarkan Jadual 6 di atas, bilangan responden yang tertinggi bagi Bidang Pengajian Islam adalah berasal dari Negeri Selangor iaitu seramai 18 orang atau sebanyak 45% dan terendah adalah berasal dari Johor, Pahang, Perlis, Sabah dan Sarawak iaitu masing-masing berkongsi peratus sebanyak 2.5% atau 1 orang.

### Analisis Purata

Analisis purata bagi setiap bahagian dijalankan untuk mendapatkan purata keseluruhan bagi setiap bidang dan purata keseluruhan responden (n=200). Perwakilan bagi setiap bidang adalah seperti di bawah:

Perwakilan	Bidang
1	Bidang Pengajian Islam
2	Bidang Bahasa Arab
3	Bidang Pengurusan
4	Bidang Komunikasi
5	Bidang Teknologi Maklumat


## ANALISIS KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Pusat Asasi KUIS menawarkan lima program asas pada tahun 2016/2017. Program-program tersebut ialah program asas Pengajian Islam, Pengurusan, Bahasa Arab, Komunikasi dan Teknologi Maklumat. Rajah di bawah menunjukkan taburan responden kajian.

Jadual 1: Taburan Kekerapan Responden Berdasarkan Program

	Kekerapan	Peratus (%)
Pengajian Islam	40	20.0
Pengurusan	40	20.0
Bahasa Arab	40	20.0
Komunikasi	40	20.0
Teknologi Maklumat	40	20.0
<b>Jumlah</b>	<b>200</b>	<b>100</b>

Rajah 1: Taburan Kekerapan Respondan Berdasarkan Program



Merujuk kepada Jadual 1, sampel kajian yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai 200 orang di mana sebanyak 20 peratus responden diambil daripada setiap program yang mewakili 40 orang bagi setiap program. Pemilihan responden yang sama rata ini adalah bagi mendapatkan data yang seimbang dalam kajian ini.

Analisis purata bagi setiap bahagian dijalankan untuk mendapatkan purata keseluruhan bagi setiap bidang dan purata keseluruhan responden (n=200). Perwakilan bagi setiap bidang adalah seperti di bawah:

Perwakilan	Bidang
1	Bidang Pengajian Islam
2	Bidang Bahasa Arab
3	Bidang Pengurusan
4	Bidang Komunikasi
5	Bidang Teknologi Maklumat

### Tahap Kefahaman Bacaan Surah Al-Fatihah

Analisis purata bagi setiap item bagi bahagian ini dijalankan untuk mendapatkan purata tahap kefahaman bacaan al-Fatihah.

Jadual 1: Nilai Purata (Min) bagi Tahap Kefahaman Bacaan Mengikut Bidang.

Bi	Item Pemboleh Ubah	Purata Keseluruhan				
		1	2	3	4	5
1.	Ayat dalam Surah al-Fatihah terdapat 7 ayat.	4.95	4.90	4.85	4.78	4.65
2.	Bismillahirrahmaanirrahim adalah satu	4.70	4.82	4.32	4.63	4.55



	ayat daripada Surah al-Fatihah.					
3.	Surah al-Fatihah adalah rukun dalam solat.	4.90	4.83	4.82	4.85	4.63
4.	Saya memahami maksud setiap ayat dalam Surah al-Fatihah.	4.50	4.30	4.05	3.88	3.90
5.	Hari Akhirat disebut dalam Surah al-Fatihah.	4.65	4.27	4.25	4.18	3.97
6.	Terdapat doa dalam Surah al-Fatihah.	4.70	4.55	4.45	4.27	4.13
7.	Terdapat nama lain bagi Allah dalam Surah al-Fatihah.	4.70	4.50	4.48	4.32	4.23
8.	Terdapat dua golongan yang tidak diberi nikmat oleh Allah disebut dalam Surah al-Fatihah.	4.45	4.43	4.10	3.93	4.15
<b>Purata Keseluruhan</b>		<b>4.69</b>	<b>4.58</b>	<b>4.42</b>	<b>4.36</b>	<b>4.28</b>

Berdasarkan hasil purata keseluruhan mengikut bidang pada jadual di atas, dapat dilihat bahawa purata keseluruhan bagi setiap bidang adalah berada pada julat 4.00 sehingga 5.00 untuk tahap kefahaman responden bagi bacaan al-Fatihah. Dapat disimpulkan di sini bahawa kesemua bidang mempunyai tahap kefahaman yang baik di mana mereka memahami dengan baik setiap bacaan surah al-Fatihah.

Jadual 2: Nilai Purata (Min) bagi Tahap Kefahaman Bacaan Mengikut Bidang.

Bil	Item Pemboleh Ubah	Purata Keseluruhan (n=200)
1.	Ayat dalam Surah al-Fatihah terdapat 7 ayat.	4.83
2.	Bismillahirrahmaanirrahim adalah satu ayat daripada Surah al-Fatihah.	4.61
3.	Surah al-Fatihah adalah rukun dalam solat.	4.81
4.	Saya memahami maksud setiap ayat dalam Surah al-Fatihah.	4.13
5.	Hari Akhirat disebut dalam Surah al-Fatihah.	4.27
6.	Terdapat doa dalam Surah al-Fatihah.	4.42
7.	Terdapat nama lain bagi Allah dalam Surah al-Fatihah.	4.45

8. Terdapat dua golongan yang tidak diberi nikmat oleh Allah  
disebut dalam Surah al-Fatihah. 4.21

**Purata Keseluruhan 4.47**

Berdasarkan hasil purata keseluruhan pada jadual di atas pula, dapat dilihat purata keseluruhan bagi persepsi tahap kefahaman bacaan adalah 4.47. Ini menunjukkan bahawa tahap kefahaman bacaan responden adalah baik memandangkan ianya berada dalam julat 4.00 sehingga 5.00. Keseluruhan item juga mempunyai purata melebihi 4.00 yang menunjukkan bahawa responden tahu akan maksud surah al-Fatihah. Oleh hal yang demikian, secara keseluruhannya, analisis yang dijalankan mendapati bahawa responden mengetahui dan memahami maksud al-Fatihah yang dibaca.

### KESIMPULAN

Secara keseluruhan, kajian ini meneliti tahap kefahaman terhadap surah al-Fatihah dalam kalangan mahasiswa Pusat Asasi KUIS bagi tahun 2016/2017. Dapatan kajian menunjukkan tahap kefahaman mereka adalah baik. Juga didapati wujudnya signifikan bahawa bidang Pengajian Islam adalah program yang tertinggi beroleh tahap kefahaman responden bagi bacaan al-Fatihah. Ini kemungkinan disebabkan pengajian mereka banyak didedahkan dengan mata pelajaran Islam.

Sekarang sudah ada al-Quran per-kata yang boleh membantu kita memahami setiap perkataan dalam al-Quran. Tak perlu dihafal tetapi perlu dibaca setiap hari (istiqamah) disamping mewajibkan diri mempelajari bahasa Arab. Kajian sebegini boleh dijalankan di fakulti yang lain untuk melihat tahap kefahaman terhadap surah al-Fatihah dalam kalangan pelajar muslim. Kemungkinan dapatan yang diperolehi berbeza berdasarkan latar institusi, fakulti dan kursus yang diikuti.

### RUJUKAN

Fakhruddin al-Razi, *Tafsir al-Kabir fi Mafatih al-Ghoib*, (1981) cet.1, Dar al-Fikr: Beirut Lubnan.

Muhammad Ali al-Shabuni, (2007) cet.1, *Tafsir Ayat al-Ahkam Min al-Qur'an*, Dar al-Shabuni: Damsyiq Syria.

Abdur Rahman Hasan Habannakah al-Maidani, (2012) cet.2, *Ma'arij al-Tafakkur wa Daqaiq al-Tadabbur*, Dar al-Kalam: Damsyiq Syria.

Ali Ibn Ahmad al-Wahidi, (2008), *Asbab al-Nuzul*, Royal Aal al-Bayt For Islamic Thought: Amman Jordan. Translated by Mokrane Guezzou.

Ibn Hajar al-Asqallani, (1995) cet.1, *Al-Talkhis al-habir Fi Takhrij Ahadith al-Rafi'iy al-Kabir*, Dar Muassasah Qurtubah : Kaherah.

Abdul Hakim Abdullah, Ahmad Azrin Adnan, Rohaizan Baru & Ahmad Amirul Ihsan Che Zahari, (2016), Principles of Islamic Management Based On Surah al-Fatihah. *The Social Sciences @ Medwell Journals*. 5467-5476.

Muhamad Farhan Ismail & Siti Nur Farhana Zakaria, (2014), *Kajian Pembacaan Surah al-Fatihah Di Kalangan Pelajar Politeknik Kuching Sarawak*, PPPT Bahagian Pendidikan Islam.

Mohd Zaki Ahmad & Muhd Zulkifli Ismail. 2016. *Nilai Tauhid Dalam Ruqyah Al-Fatihah: Analisis Pragmatik*. Proceeding International Conference on Aqidah, Dakwah & Syariah 2016. 1906-1916.